



Tel : 04-2615669
Fax/Tel : 04-2628664
E-mail : secretariat@penangbar.org
Website : www.penangbar.org

No. 4. Green Hall,
1st Floor,
10200 Penang,
Malaysia.

JAWATANKUASA PEGUAM PULAU PINANG PENANG BAR COMMITTEE

Criminal Law 1/21

9 Feb 2021

To Members of the Penang Bar,

Temporary Suspension of Operations at Penang Remand Prison's Records Office

We have received a notification dated 9 Feb 2021 from the Director of the Penang Prisons, TKP Roslan Bin Hj Mohamed informing us that operations at the Records Office of the Penang Remand Prison have been temporarily suspended from 9 Feb 2021 to 15 Feb 2021 as one of their officers has tested positive for Covid-19 and they expect to resume operations on 16 Feb 2021.

Pursuant to this notification, inmates from the Penang Remand Prison will not be produced in Court and video conferencing facilities between the inmates and their counsel will also not be available during the stated period of time.

The letter from the Director of the Penang Prisons and other relevant information are appended below for Members' information.

V Parthipan
Chairman
Criminal Law Subcommittee



**JABATAN PENJARA MALAYSIA
PEJABAT PENGARAH
PENJARA NEGERI PULAU PINANG
JALAN PENJARA
10460 GEORGE TOWN
PULAU PINANG**

Telefon : 04-2299448/ 445
Faks : 04-2299446
pjb_ppnpulaupinang@prison.gov.my



No. Rujukan Kami : JP/PPG/AM/156/1 JLD.2 (6)
Tarikh : 09 Februari 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN,

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

PENANGGUHAN PENGOPERASIAN PEJABAT REKOD PENJARA REMAN PULAU PINANG BUAT SEMENTARA WAKTU DISEBABKAN TERDAPAT PEGAWAI DISAHKAN POSITIF COVID-19

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/tuan/puan, seorang pegawai yang bertugas di Pejabat Rekod Penjara Reman Pulau Pinang disahkan positif Covid-19 dan Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut telah mengarahkan semua anggota yang bertugas di Pejabat Rekod dikuarantin bermula pada 09 Februari 2021 sehingga 15 Februari 2021.
3. Sehubungan dengan itu, pengoperasian Pejabat Rekod ditutup buat sementara waktu bagi tujuan mengekang penularan wabak Covid-19 serta bagi melaksanakan proses sanitasi pejabat. Pejabat Rekod Penjara Reman Pulau Pinang akan beroperasi semula pada 16 Februari 2021. Segala urusan serta pergerakan banduan ke Mahkamah terpaksa ditangguhkan dan bagi sesi perjumpaan banduan secara sidang video oleh pihak penguatkuasa, peguam dan agensi-agensi lain juga dibatalkan sepanjang tempoh tersebut.
4. Bersama-sama ini disertakan surat daripada Penjara Reman Pulau Pinang dan Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut untuk rujukan pihak YBhg. Dato'/tuan/puan. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato'/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah

(TKP ROSLAN BIN HJ. MOHAMED)
Pengarah Penjara Negeri Pulau Pinang

EDARAN KEPADA:

1. Pengarah
Mahkamah Negeri Pulau Pinang,
Bangunan Sri Pinang,
Jalan Tun Syed Sheh Barakbah,
10200 George Town,
Pulau Pinang.
2. Ketua Polis Negeri Pulau Pinang
Ibu Pejabat Polis Kontijen Pulau Pinang,
Jalan Penang, 10760 George Town,
Pulau Pinang.
3. Pengerusi
Jawatankuasa Peguam Pulau Pinang,
No. 4, Green Hall,
1st Floor,
10200 Pulau Pinang

SALINAN KEPADA:

1. Pengarah Keselamatan dan Inteligen, IPPM
2. Pengarah Penjara Seberang Perai
3. Pengarah Penjara Reman Pulau Pinang
4. Pegawai Yang Menjaga Penjara Satelit, Bukit Mertajam



**MEMO
PENJARA REMAN PULAU PINANG
JABATAN PENJARA MALAYSIA**

Kepada : Pengarah Penjara Negeri Pulau Pinang
Daripada : Pengarah Penjara Reman Pulau Pinang
No. Rujukan : JP/PPG/(PP)/KES (AM)70 JLD. 3 ()
Tarikh : 08 Februari 2021
Perkara : **PENANGGUHAN PENGOPERASIAN PEJABAT
REKOD BUAT SEMENTARA WAKTU DI SEBABKAN
TERDAPAT PEGAWAI DISAHKAN POSITIF COVID-19**

Tuan,

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman tuan, terdapat seorang Pegawai Pejabat Rekod Penjara Reman Pulau Pinang telah disah positif Covid-19 setelah saringan dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Sehubungan dengan itu, Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut telah mengarahkan semua anggota Pejabat Rekod Penjara Reman Pulau Pinang untuk dikuarantinkan bermula dari 9 Februari 2021 sehingga 15 Februari 2021. Rentetan daripada kejadian tersebut pengoperasian pejabat rekod terpaksa ditutup buat sementara waktu. Ia adalah bertujuan bagi mengekang penularan wabak Covid-19 dan bagi melaksanakan proses sanitasi keseluruhan pejabat. Pengoperasian semula pejabat rekod pada 16 Februari 2021.


3. Untuk perhatian tuan, pergerakan keluar banduan ke mahkamah terpaksa ditangguhkan terlebih dahulu bermula dari 9 Februari 2021 sehingga 15 Februari 2021. '**Order To Produce**' (OTP) yang telah dikemukakan kepada pihak penjara untuk perbicaraan pada 16 Februari 2021 sehingga 19 Februari 2021 akan diproses seperti biasa. Pihak mahkamah tetap boleh mengemukakan '**Order To Produce**' (OTP) untuk

perbicaraan pada tarikh 22 Februari 2021 dan tarikh seterusnya. Pihak kami dengan rendah diri memohon jasa baik pihak tuan untuk kemukakan seminggu awal dari tarikh perbicaraan seperti biasa bagi memudahkan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia membuat saringan terlebih dahulu terhadap banduan untuk dikeluarkan ke mahkamah. 'OTP' berikut boleh diemalkan melalui prppng@prison.gov.my.

4. Sesi perjumpaan secara sidang video bersama banduan oleh pihak penguatkuasa, peguam dan agensi-agensi lain terpaksa dibatalkan sepanjang tempoh tersebut. Permohonan perlu dibuat semula kepada pihak penjara pada 16 Februari 2021.

5. Pertanyaan berkaitan pejabat rekod boleh berhubung dengan TPP Azman Bin Hussin di talian 04-2289899 ext.120 atau di talian 019-5285443. Bersama-sama ini disertakan Lampiran A untuk perhatian tuan berhubung perkara ini dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.



(PKP MOHAMAD JUSOH BIN ISMAIL)



PEJABAT KESIHATAN DAERAH
TIMUR LAUT
JALAN PERAK
11600 PULAU PINANG

Telefon 04-2828530 , Talian Arah
04-2829793
04-2829843
04-2829867
04-2829785
04-2818900 (Bilik Gerakan)
Faks 04-2819500 (Pentadbiran)
04-2829859 (Bilik Gerakan)

Pengarah,
Penjara Reman Pulau Pinang,
Jalan Penjara,
10990 Pulau Pinang.

Ruj. Tuan
Ruj. Kuar
Tarikh 8.3.2021

Tuan,

MAKLUMAN KEJADIAN KES POSITIF COVID-19 MELIBATKAN PEGAWAI PENJARA REMAN PULAU PINANG

Dengan segala hormatnya saya menujuk perkara di atas.

2. Dukacita dimaklumkan terdapat 1 kes positif COVID-19 yang melibatkan Pegawai Penjara Reman Pulau Pinang telah dilaporkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Muda pada 6.2.2021.

3. Hasil siasatan awal yang dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Kuala Muda mendapati kes berkenaan bertugas sebagai Pegawai di Penjara Reman Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, kes berkenaan telah dipanjangkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut bagi tujuan pengesanan dan kawalan jangkitan di tempat kerja. Setelah penilaian dan siasatan yang dijalankan mendapati terdapat seramai 15 orang pegawai dan anggota Penjara Reman yang bertugas di Pejabat Rekod akan dikuarantin selama 10 hari bermula dari hari terakhir pendedahan kes.

4. Kami juga ingin menegaskan di sini bahawa pematuhan SOP yang telah ditetapkan hendaklah sentiasa dipatuhi. Segala kerjasama dan perhatian Tuan mengenai perkara ini amatlah dihargai bagi membendung penularan wabak Covid-19.

Sekian. Terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATIN DR. AZIZAH BINTI AB. MANAN)

NO MPM: 27773 NSR: 132549

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

Pegawai Kesihatan Daerah

Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut,



(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)